

Headline	Kerajaan akan terus bantu PKS		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2017	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	NUR AIN OTSMAN	AdValue	RM 3,316
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,947



Kerajaan akan terus bantu PKS

.....
NUR AIN OTSMAN

KUCHING: Kerajaan Negeri Sarawak akan terus memberi bantuan dan sokongan untuk pembangunan dalam perniagaan dan keusahawanan lebih-lebih lagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Hal ini ditegaskan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera di Pusat Konvensyen Penview (PCC), Jalan Bako di sini, malam semalam.

Katanya, negara kita, termasuk Sarawak mempunyai kira-kira 97 peratus daripada jumlah pertubuhan perniagaan adalah terdiri daripada PKS.

"Pada tahun 2016, sumbangan PKS di Malaysia adalah 36.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 65.3 peratus dari segi guna tenaga dan 18.6 peratus dari segi eksport.

"Di Sarawak sahaja tidak kurang dari 60 agensi yang memberi perkhidmatan sedemikian untuk pembangunan PKS," ujarnya.

Awang Tengah yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Perindustrian dan Menteri Pembangunan Urbanisasi dan Alam Sekitar kedua menambah, untuk memastikan semua perkhidmatan,

bantuan, program meningkatkan keupayaan seperti latihan dan pemasaran dapat diselenggarakan, maka satu Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Usahawan (SEDCC) telah pun ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Negeri Sarawak.

"Antara agensi-agensi utama yang banyak membantu pembangunan PKS Negeri Sarawak adalah seperti SEDC, MARA, MITI, MIDA, MATRADE, SME Corp, SME Bank, SKM, LKIM, FAMA, TERAJU dan sebagainya.

"Teraju, misalnya menyediakan Dana Mudahcara yang khusus bagi usahawan berkecimpung di dalam bidang pembangunan infrastruktur," jelasnya.

Kerajaan juga akan terus berusaha untuk menyediakan infrastruktur untuk mengembangkan PKS misalnya Anjung Usahawan, Pusat Pengumpulan, Incubator dan Produk Sarawak Pavilion di Kuala Lumpur yang akan mula beroperasi pada penghujung tahun ini.

"Apa yang lebih penting ialah kita harus meningkatkan kesedaran dan keupayaan kita supaya dapat sama-sama terlibat dengan ekonomi digital yang merupakan bukan lagi satu pilihan tetapi satu kemestian untuk kita melonjak ke persada pasaran global khususnya melalui platform e-commerce," tegasnya.

Headline	Kerajaan akan terus bantu PKS		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2017	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	NUR AIN OTSMAN	AdValue	RM 3,316
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,947



KETUA Menteri Datuk Patinggi Dr. Abang Johari Tun Openg dalam upacara simbolik Majlis Penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera Sarawak (AUBS 2017) di Penview Convention Centre di Kuching, pada malam semalam. Turut kelihatan Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Datuk Mohd Naroden Majais, Datuk Talib Zulphilip dan Datu Len Talif Salleh.